

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI TI LIAN KER

TARIKH : 04 DISEMBER 2018 (SELASA)

SOALAN NO. 60

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah laporan 'feasibility study' yang menyatakan projek MRT tidak perlu diperluaskan akan dibentangkan dan diteliti oleh orang ramai, serta apakah rancangan induk pengangkutan yang akan dilaksanakan dalam 10 tahun akan datang.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. *Feasibility Study* bagi projek MRT merangkumi kajian kebolehlaksanaan bagi sistem MRT seperti jajaran dan stesen yang dicadangkan, takupan penumpang (*ridership*) serta keadaan sosio ekonomi penduduk sekitar jajaran dan stesen. Walau bagaimanapun, tidak ada dinyatakan bahawa projek MRT tidak akan diperluaskan pada masa-masa akan datang dan kandungan Laporan *Feasibility Study* juga setakat ini masih belum ada perancangan untuk dibentangkan dan diteliti oleh orang ramai.
2. Selain itu, Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan sedang menyiapkan Dasar Pengangkutan Negara (*National Transport Policy*) 2018-2030. Tiga fokus utama Dasar berkenaan adalah untuk memastikan sistem pengangkutan awam yang cekap, selamat serta mudah diakses oleh semua golongan termasuk orang kurang upaya dan warga emas, dan kos tidak membebankan masyarakat, termasuk bagi mengurangkan kadar pelepasan gas karbon dioksida (*CO2 emission*) daripada sektor pengangkutan sejajar dengan hasrat Negara untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon sebanyak 45% berdasarkan KDNK menjelang 2030. Dasar Pengangkutan Negara termasuk Pelan Tindakan yang holistik yang telah dirangka akan dibentangkan kepada Kabinet untuk kelulusan dalam masa yang terdekat.

Sekian, terima kasih.